

PM bangga kejayaan MALBATT di Bosnia

Dr. M - Overseas trips.
PARIS 8 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berbangga kerana pasukan Malaysia yang berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia telah berjaya menawan hati rakyat negara itu.

Beliau berpuas hati bahawa tentera Malaysia telah menunjukkan profesionalisme dalam menjalankan tugas yang sukar hingga berjaya mengharumkan nama negara.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta pandangan beliau mengenai lawatannya ke Bosnia baru-baru ini.

Dalam lawatan itu beliau telah berkesempatan menemui anggota MALBATT di Koenjik.

Dr. Mahathir kagum kerana MALBATT telah menjalankan tugas mereka dengan baik hingga mendapat pujian pasukan tentera negara lain yang turut sama berkhidmat di Bosnia.

"Saya bangga bahawa profesionalisme pasukan kita telah diakui oleh ketiga-tiga pihak yang berkonflik di sana," kata beliau sewaktu ditemui oleh wartawan Malaysia di sini.

"Pasukan kita telah menjalankan tugas dengan baik dan saya amat berpuas hati," ujarnya.

Menurut beliau, selain bertindak sebagai pemerhati, pasukan kita juga turut terlibat dalam bebe-

rapa program untuk menangi hati dan fikiran rakyat Bosnia yang menderita.

Beliau juga kagum dengan penerimaan rakyat tempatan terhadap MALBATT. "Kita semua sangat terhutang budi kerana pengorbanan pasukan kita di tempat yang sangat berbahaya itu," katanya.

Dr. Mahathir juga berpendapat bahawa rakyat Bosnia sudah cukup menderita kerana peperangan yang berterusan itu.

"Mereka menjadi mangsa penganiayaan luar biasa di tengah tamadun moden," ujarnya.

Beliau kesal bahawa rakyat tidak berdosa telah menjadi mangsa ketidakadilan dunia.

"Dunia tidak mahu terlibat menyelesaikan konflik di Bosnia. Ini adalah ketidakadilan yang memalukan tamadun moden," tegasnya.

Menurut beliau, sewaktu bertemu Presiden Perancis Francois Mitterrand semalam, soal Bosnia telah juga dibangkitkan.

"Saya memperingatkan Mitterrand bahawa walau apapun formula perdamaiian untuk Bosnia, prinsip utamanya ialah pihak yang menceroboh tidak sepatutnya memperoleh keuntungan.

"Penceroboh tidak harus diberikan keistimewaan," tegas beliau. — Utusan.